



UCAPAN

YANG BERHORMAT

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA

DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH

MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MAJLIS SAMBUTAN

HARI RAYA AIDILFITRI

BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BERTEMPAT DIGADONG,

BANGUNAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SABTU, 25 SEPTEMBER 2010

8.00 MALAM

Bismillah Hirahman Nirrahim,

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil
Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Mulia

Awang Haji Ahmadbaihaki bin Pehin Orang Kaya Digadong Haji
Mohd Taha

Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan selaku Pengerusi
Majlis,

Yang Mulia

Datin Hajah Adina binti Othman

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia

Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan)

Yang Mulia

Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar

Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan)

Yang Mulia

Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadirin dan hadirat
yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, kita bersyukur ke harat Allah Subhanahu Wataala
di atas limpah rahmat dan Inayahnya jua, kita semua dapat
berkumpul pada malam ini di Majlis Ramah Mesra Hari Raya
Aidilfitri bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi
tahun 1431 Hijriah bersamaan tahun 2010 masehi.

Sempena bulan dan hari yang mulia ini, sukacita dan dengan
ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan
Batin kepada semua warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan.

Dalam suasana hari raya dalamana kita saling bermaaf-maafan dan suasan kegembiraan marilah juga kita mengambil kesempatan untuk memperbaharui hubungan silaturahmi dikalangan warga Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan dengan memperkukuhkan semangat setia kawan dan kerja berpasukkan dari kalangan semua peringkat pegawai dan kakitangan.

Keberkesanan dan kecekapan kementerian pada memberikan perkhidmatan dan meningkatkan mutu kerja yang cemerlang adalah bergantung kepada penglibatan semua pegawai dan kaki tangan pada memikul dan melaksanakan bidang tugas masing-masing dengan secara ikhlas, bertanggungjawab dan saling hormat menghormati diantara satu dengan lain.

Dalam hubungan kerja didalam kementerian dan bahagian-bahagian di dalamnya, hendaklah diibaratkan sebagai sepasukan perahu dayung yang mempunyai nakhoda dan anggota pendayung yang berdayung sama rentak dan tempo mengikut arahan oleh nakhodanya untuk sampai ke destinasi yang dituju dengan selamatnya. Kegagalan pendayung untuk berdayung sama serentak akan menyebabkan perahu dayung berpusing-pusing gagal untuk sampai ke destinasi yang dituju.

Begitu juga pegawai dan kakitangan di kementerian seharusnya tidak bersikap sebagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing ataupun bersikap “nafsu nafsi” dan berpecah dalam melaksanakan tugas masing masing. Kita perlu berlapang dada dan ikhlas diantara satu dengan lain. Jangan sampai kita dilihat ramai jumlahnya akan tetapi apabila melaksanakan kerja dan tugas hanya sedikit bilangannya yang sanggup bertungkus-lumus dan berbasah berkaring. Kita memerlukan semangat berpasukan yang tinggi dan interaksi yang berkesan dan saling mendukung (supportive) dikesemua jabatan dan bahagian didalam kementerian. Kita perlu bergerak secara serentak yakni in tandem dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang melebihi kebiasaan (Service beyond the ordinary).

Sehubungan dengan ini, Adalah sangat penting bagi semua anggota kakitangan dan pegawai-pegawai di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempunyai kefahaman yang jelas mengenai fungsi, misi dan visi termasuk objektif dan perancangan strategik kementerian. Ini termasuklah juga untuk mempunyai kefahaman mengenai dengan undang-undang dibawah kawalan dan penguatkuasaan Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan yang berjalan pada masa ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai bidang tugas yang luas dan mencabar. Daripada memegang amanah pada menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang memerlukan bantuan dan perlindungan dan berkeperluan khas, hingga kepada memperkasa dan mengasuh kaum belia yang merupakan asset Negara yang berharga; dan juga pada meningkatkan imej dan darjat bangsa Melayu Brunei melalui penyebaran penggunaan Bahasa Melayu, dan penonjolan sejarah, tamadun dan kebudayaan bangsa yang berperanan penting didalam Pembangunan Bangsa atau Nation Building.

Secara ringkasnya kementerian kita bertanggungjawab pada mengangkat kecemerlangan bangsa Brunei pada menghasilkan belia yang berjiwa besar, rakyat yang terjamin kesejahteraan dan kebajikan mereka dan melahirkan dan mengasoh bangsa untuk mewarisi dan menjiwaii sejarah, bahasa, kebudayaan dan tamaddun bangsa yang gemilang.

Dalam melaksanakan tugas, kita tidaklah semata-mata melaksanakan perkara yang rutin atau biasa kerana jika ini adalah sikap kita, maka kita hanya akan dapat menghasilkan kerja yang biasa yang kurang bermutu. Kita mesti berusaha melakukan dan memberikan sumbangan yang terbaik sama ada sebagai

pemandu, pembersih, kakitangan bawahan, pegawai rendah dan atasan, pengarah-pengarah dan ketua ketua jabatan.

Dalam melaksanakan tugas kita yang begitu luas dan mencabar ianya memerlukan pengorbanan masa dan tenaga tanpa mengenal batas waktu. Ianya memerlukan kesediaan kita untuk tampil ke hadapan apabila perkhidmatan kita diperlukan. Bukannya melarikan atau menghindarkan diri dari tugas apabila diperlukan. Tanggungjawab yang berat dan mencabar ini akan menjadi ringan dan berbaloi apabila kita melihat ianya adalah juga sebagai perbuatan ibadah dalam konteks "Habblum Minallah dan Habblum Minnannas" iaitu hubungan kita dengan Allah dan hubungan kita dengan sesama manusia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam melakukan tugas dan tanggungjawab, Kita hendaklah sentiasa membuat pembaharuan dan bersedia untuk berfikir diluar daripada kotak atau kebiasaan. Ungkapan Inggeris ada mengatakan "Nothing is permanent but change" Dalam konteks ini kita semua berperanan sebagai pemimpin atau ketua dalam dalamana kita adalah pemimpin kepada diri kita sendiri, teman

teman, kaki tangan dan pegawai bawahan untuk membawa perubahan dan inovasi.

Sukacita saya perelaskan, peningkatan dalam kualiti perkhidmatan bukannya sesuatu yang berlaku secara kebetulan (not by accident) akan tetapi terhasil daripada hasrat yang tinggi (high intention), usaha usaha yang ikhlas (sincere efforts), arahan arahan yang terarah dan jelas (intelligent direction) serta pelaksanaan yang rapi (skillful implementation). Yang sama penting juga ialah perlunya terdapat kerjasama antara pasukan yang tanpa batas serta tulus mulus (transparent and cross functional teams collaboration) yang di jadikan budaya kerja.

Sehubungan dengan ini Kita tidak harus berpuas hati dengan tahap pencapaian perkhidmatan yang telah diberikan kepada orang ramai. Ini kerana orang ramai atau pelanggan mempunyai ekspektasi yang tinggi dan merupakan pelanggan yang bermaklumat. Oleh itu, ketua jabatan / pegawai / kakitangan Kementerian mestilah peka dengan keadaan semasa dan tidak takut untuk mengemukakan cadangan baru atau perubahan (innovation) dalam membentuk organisasi yang dinamik demi untuk meningkatkan perkhidmatan dan produktiviti yang diberikan kepada orang ramai.

Perlu difahami, perubahan untuk menuju perkhidmatan yang cemerlang juga bergantung kepada pencetusan idea yang penuh inovasi yang di sumbangkan daripada kesemua pegawai dan kakitangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Nilai-nilai seperti disiplin, jujur, amanah, pemurah dan lain-lain juga di antara yang terkandung dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam yang dilancarkan pada tahun 1996 hendaklah sentiasa dijadikan sebagai rujukan utama dan asas panduan bagi membentuk perwatakan dan sikap mulia dalam mengerjakan pekerjaan seharian.

Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga Kementerian untuk menanamkan sikap dan sifat yang mulia ini dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Dengan adanya sifat dan sikap yang sedemikian itu, saya percaya Visi dan Misi Kementerian akan dapat dicapai. Di samping itu, sebuah organisasi itu akan berjaya dengan cemerlang dalam melaksanakan kerja seharian dengan penuh berkesan, bersih, tulus dan efisien.

Di samping itu, semangat kerja berpasukan (teamwork), permuzakarahen (syura) dan sifat keterbukaan (openness) juga elemen yang penting dalam melaksanakan sesuatu program atau aktiviti. Semangat di atas akan mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan bekerjasama dan setiap orang akan merasa dihargai dalam sama-sama melaksanakan program dan aktiviti. Perkara ini juga dituntut dalam Islam sepertimana hadis Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam riwayat Al-Tabarani yang menekankan pentingnya permuzakarahen atau syura sebelum melaksanakan sesuatu urusan seperti berikut:-

“Sesiapa yang hendak melakukan sesuatu urusan umat Islam hendaklah dilakukan syura nescaya Allah akan memberi taufik bagi memperelokkan urusan mereka.”

Saya juga menyarankan supaya penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) akan dapat diperluaskan lagi penggunaan di kalangan warga Kementerian dalam meningkatkan dan mempercepatkan lagi tugas harian. Ini termasuklah penggunaan ICT dalam memproses (processing), menyimpan (data) dan memindahkan (transmitting) maklumat dalam bentuk elektronik seperti data-data pegawai / kakitangan Kementerian, atlit-atlit,

orang-orang miskin dan mereka yang berkeperluan khas yang memerlukan bantuan dan sebagainya.

Di sini saya juga ingin menyarankan supaya Pelan Strategik Kementerian akan dapat di kaji semula untuk merangka strategi-strategi dan program-program secara menyeluruh bagi tempoh yang akan datang. Di samping itu, kaedah 'Key Performance Index (KPI)' hendaklah sentiasa jadi mekanisma utama untuk mengukur keberkesanan / kejayaan sesuatu projek atau dasar yang dilaksanakan. Dalam erti kata yang lain, "Everything in life has to be measured". Tanpanya kita tidak dapat mengetahui tahap pencapaian pengurusan terbaik (good management) atau hasil terbaik bagi sesuatu projek itu.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidifitri, Maaf Zahir dan Batin, dan semoga Majlis malam ini akan dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim di kalangan warga Kementerian.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.